

03 SEP 1997

Law-Roket

DR MAHATHIR CADANG TEKNIK GUNA ROKET ATASI MASALAH JEREBU

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Kabinet hari ini membincangkan cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya teknik penggunaan roket untuk melepaskan bahan pencetus hujan di gugusan awan dilaksanakan bagi mengatasi masalah jerebu di negara ini.

Roket itu yang dilepaskan dari permukaan bumi akan berfungsi sebagai pembawa bahan pencetus atau pembenih hujan, sama seperti penggunaan pesawat udara yang digunakan untuk tujuan serupa, kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding.

"Ia mungkin roket bersaiz kecil, lebih kurang 1,000 kg atau mungkin lebih kecil seperti roket pelancar bunga api," kata Law kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan kabinet di sini.

Katanya Dr Mahathir ketika mengemukakan cadangan itu pada mesyuarat kabinet hari ini menjelaskan ide itu tidak mustahil dan boleh dilaksanakan berdasarkan teknologi pembuatan roket sedia ada terutama yang digunakan oleh Jepun, India dan Russia.

Law berkata beliau akan berbincang secara terperinci dengan beberapa agensi kementerian itu bagi menentukan reka bentuk roket dan cara ia berfungsi sebelum melaksanakannya.

"Jika Malaysia berjaya melaksanakannya, ia akan mencipta rekod dunia kerana belum ada negara yang menggunakan teknik itu sebelum ini," katanya.

Menurut beliau, Perdana Menteri juga meminta kementerian itu meningkatkan penggunaan teknik pengimbasan dari angkasa bagi menentukan dan mengawasi kawasan yang menyebabkan jerebu terutamanya yang melibatkan kebakaran hutan.

"Kita akan mempunyai keupayaan menggunakan teknik pengimbasan satelit sepenuhnya apabila Stesen Penerima Isyarat Bumi siap dalam tempoh setahun," katanya.

Stesen berharga RM70 juta itu akan dibina di Temerloh, Pahang dan setakat ini tiga syarikat dari Kanada, Amerika Syarikat dan Perancis telah mengemukakan tender untuk membinanya.

"Sebelum ini kita mendapatkan gambar imej satelit dari Bangkok dan terpaksa membelanjakan RM4 juta setahun untuk tujuan itu," katanya.

Antara fungsi gambar itu ialah untuk meneliti bentuk muka bumi di samping mengesan sebarang aktiviti dalam negara dan kawasan sempadan termasuk pembalakan haram dan pembakaran hutan.

Mengenai operasi pembenihan hujan, Law berkata ia akan dijalankan selama seminggu mulai Isnin depan, menggunakan khidmat sebuah syarikat swasta yang terlibat dalam operasi hujan tiruan di kawasan Pedu dan Muda di Kedah.

Operasi itu akan melibatkan kos sebanyak RM50,000 dan berkemungkinan besar menggunakan larutan garam (sodium klorida) dan air biasa sebagai pembenih hujan.

Mengenai cadangan penggunaan pesawat Caribou kepunyaan Tentera Udara Diraja Malaysia, Law berkata langkah itu memerlukan masa kerana beberapa peralatan tertentu perlu dipasang manakala ruang dalaman pesawat itu juga perlu diubahsuai untuk tugas itu.

Mengenai kualiti udara hari ini, Law berkata keadaan di Kuching kembali tidak sihat apabila Indeks Pencemar Udara mencatat paras 104 berbanding 53 semalam. Jarak penglihatan di Kuching juga menurun kepada 0.7 km manakala di Sri Aman hanya 0.6 km dan Sibu 3 km.

"Kawasan lain menunjukkan keadaan sederhana dan baik," katanya.

Katanya gambar satelit yang diperolehi semalam menunjukkan peningkatan bilangan "hot spots" atau tompok yang merujuk kepada kebakaran hutan di kawasan barat dan selatan Kalimantan manakala di Sumatera keadaannya tidak dapat ditentukan kerana diliputi awan tebal. -- BERNAMA

HJ MAI